

Pelajar KUTKM disaran contohi rakyat Korea

Archival News | Berita Harian | 01/02/2003 | Author: Rahman Hashim

PELAJAR Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) diminta mencontohi semangat rakyat Korea Selatan dalam menangani perkembangan global pendidikan.

Rektornya, Datuk Prof Dr Mohd Ruddin Abdul Ghani, berkata ini kerana rakyat negara berkenaan paling ramai memiliki ijazah doktor falsafah (Phd).

Lebih mengagumkan katanya, rakyat negara itu bukan saja membantu kerajaan membawa keluar Korea daripada krisis ekonomi, malah berjaya membayar semula pinjaman yang dibuat menerusi Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Sehubungan itu, beliau berkata, pelajar serta pensyarah kolej universiti itu diharapkan dapat mempraktikkan semangat berkenaan, terutama dalam bidang pendidikan dan penyelidikan, sekali gus menjadikan institusi pengajian tinggi itu antara yang terunggul di rantau ini.

"Bagi merealisasikan hasrat ini, pengajian disediakan KUTKM adalah berbentuk `hands-on' bagi membolehkan pelajar menimba lebih banyak pengalaman dalam bidang industri," katanya merasmikan seminar perkongsian pengalaman industri anjuran Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi di Auditorium Seri Negeri, Ayer Keroh, baru-baru ini.

Dr Mohd Ruddin berkata, memiliki ijazah bukanlah penentu seseorang pelajar itu mendapat pekerjaan kerana aspek yang diberi penekanan pihak industri sekarang ialah kemampuan menguasai bidang teknologi maklumat dan komunikasi, baik secara teori mahupun amali serta kemahiran berkomunikasi.

Oleh itu katanya, pelajar kolej universiti itu diingatkan supaya mempunyai semangat serta daya saing tinggi bagi membolehkan mereka bersaing dalam bidang pendidikan, sekali gus memastikan Wawasan 2020 tercapai.

Beliau juga menegaskan, KUTKM sememangnya serius dalam mewujudkan hubungan dan kerjasama dengan industri, sehingga Fakulti Universiti Industri (UNIC) ditubuhkan.

"Antara lain, UNIC bertanggungjawab menyelaras latihan pensyarah dengan beberapa sektor industri serta mendapatkan maklumat terkini mengenai keperluan yang diutamakan dalam sektor berkenaan," katanya.

Malah, beliau berkata, beberapa memorandum persefahaman akan ditandatangani antara KUTKM dengan beberapa universiti di Jerman dan London, pertengahan bulan depan, bagi membolehkan kolej universiti itu bersaing di peringkat global.

(END) Source : Berita Harian